



Published biannually by :

HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD), Selangor International Islamic University College (KUIS)
 Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia, Tel: 03 - 8911 7000 Ext: 6129/6130. Fax: 03 - 8926 6279
 Email: jurnahadis@kuis.edu.my Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/

PENYALAHGUNAAN LIVING HADIS DALAM KALANGAN KELOMPOK LIBERAL: SATU SOROTAN LITERATUR SECARA SISTEMATIK

**Norsaleha Mohd. Salleh^{1*}, Lilly Suzana Hj Shamsu², Rosni
 Wazir¹, Abur Hamdi Usman¹, Mohd. Farid Ravi Abdullah¹, Abu
 Zaki Ismail¹, & Nurul Ain Burhanuddin¹**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Faculty of Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

* Correspondence Author: Norsaleha Mohd. Salleh. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norsaleha@kuis.edu.my

Abstrak

Living Hadis adalah penjelmaan hadis dalam bentuk kepercayaan dan pengamalan yang telah bercanggah dari makna hadis yang hakiki. Pengambilan makna hadis yang bercanggah ini telah digunakan oleh kelompok liberal dalam menegakkan hujah mereka. Kajian ini bertujuan untuk membuat sorotan literatur secara sistematik ke atas hadis-hadis Rasulullah SAW yang telah digunakan oleh kelompok Liberal. Metodologi kajian menggunakan kaedah pemerhatian ke atas latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok Liberal. Pengecaman terhadap kelompok Liberal dilaksanakan melalui penilaian dan perbandingan terhadap penyelewengan maksud hadis dan pemikiran Liberal yang dipromosikan melalui laman web dan portal mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hadis-hadis Rasulullah SAW telah diselewengkan dari segi pemahaman makna hadis mengikut kepentingan diri sendiri. Kajian ini memberi impak terhadap kesedaran masyarakat agar dapat memelihara dan menjaga konteks ketepatan hadis.

Kata kunci: *Living Hadis; Liberal; Masyarakat; Kesedaran; Literatur*

**(THE MISAPPROPRIATION OF LIVING HADITH AMONG
LIBERAL GROUPS: A SYSTEMATIC LITERATURE
HIGHLIGHTS)**

Abstract

Living Hadith is the embodiment of hadiths in the form of beliefs and practices that contradict the real essence of the hadiths' meaning. The liberal groups have adopted the contradictory hadiths' meaning to defend their arguments. This study aims to conduct a systematic literature highlights on the hadiths of Rasulullah SAW that the liberal groups are using. The methodology used in this study is an observation on the background, discussion gaps, methods and findings for each of the hadiths used by the groups. The study identified the liberal groups via evaluation and comparison on the diversion of the meaning of the hadiths and liberalism thoughts promoted through their websites and portals. The findings showed that there are misinterpretations of the hadiths of Rasulullah SAW where they had comprehended the hadiths according to their own interest. This study has an impact on society's awareness in the hope to preserve and protect the accuracy of hadiths' contexts.

Keywords: *Living Hadith; Liberal; Society; Awareness; Literature*

Received: December 27, xxx

Accepted: February 12, 2019

Online Published: June 30, 2019

1. Pendahuluan

Terma Living Hadis disebut sebagai Sunnah yang hidup atau Living Sunnah merupakan penafsiran yang diterapkan daripada para ulama. Mereka berusaha menemukan apa yang terkandung daripada hadis yang berkaitan dengan masalah yang ingin mereka selesaikan. Kefahaman yang betul dan tepat terhadap fungsi dan peranan hadis dapat mengelakkan salah faham terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW. Perbincangan mengenai Living Hadis merangkumi dua aspek iaitu sejarah dan fenomena sosial yang terdapat dalam masyarakat berdasarkan daripada hadis dan kehidupan seharian Rasulullah SAW (Mirna Firdiana, 2014).

Menurut Aminudin Basir et al. (2006) konsep sunnah menurut ahli hadis membincangkan tentang dasar kesempurnaan kepelbagaian sistem hidup manusia yang universal, teratur, terperinci serta bersesuaian dengan setiap bangsa tanpa mengira tempat dan masa. Jelas menggambarkan betapa sempurna ajaran Islam yang dibawa oleh sunnah. Oleh itu bagi golongan yang menolak sunnah sebagai sumber agama, tidak dapat merasa nikmat akan kesempurnaan Islam sebagai satu cara hidup. Terdapat satu hadis tentang seorang mukmin mestilah menjauhkan sama sekali semua larangan Rasulullah SAW kerana apa yang dilarang oleh Baginda SAW pada hakikatnya adalah larangan Allah SWT yang wajib dipatuhi.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: ((مَا تَحْيِيكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّ أَهْلَكَ الدِّينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَثَرُهُ مَسَائِلِهِمْ وَاجْتِنَالِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ

[HR Abu Hurairah, Imam Muslim, No. 1337, Hadis Sahih]

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah Abdul Rahman Ibn Sokhrin RA beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat golongan yang menyalahgunakan maksud hadis mengikut kepentingan diri sendiri. Golongan ini telah menjelmakan hadis dalam bentuk kepercayaan dan amalan yang tidak selari dengan makna yang sebenar. Golongan ini dikategorikan oleh Ramli Abdul Wahid (2017) sebagai kelompok liberal yang telah menggunakan Living Hadis yang bertentangan dengan makna sebenar hadis.

2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian untuk mengenalpasti penggunaan Living Hadis dalam kalangan kelompok liberal dan menganalisa hadis yang digunakan. Kajian ini memberi impak kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap bahaya pemikiran kelompok liberal yang menggunakan hadis Rasulullah SAW bagi tujuan yang salah. Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah dan kepercayaan. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk animisme. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap setiap benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Kedatangan Islam telah mengubah world-view masyarakat Melayu daripada roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan yang Maha Esa, percaya kepada para Nabi, Rasul, Malaikat dan kitab-kitab suci (Mohd Aizam, 2013).


Walau bagaimanapun, masyarakat juga terdedah dengan serangan pemikiran yang menyerap masuk melalui era penjajahan dan globalisasi yang menguasai dunia umat Islam. Serangan pemikiran atau dikenali sebagai al-ghazw al-fikri bukan sahaja datang dalam bentuk fizikal, tetapi mempunyai karakteristik yang hampir sama dengan brain washing atau istilah lain thought control atau ideological reform. Penerimaan kebenaran pada pemikiran seseorang memerlukan pembersihan terhadap kepercayaan lama orang tentang makna kebenaran (Rifyal Ka'abah, 1994).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti dapatan. Metodologi kajian menggunakan kaedah pemerhatian ke atas latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok liberal. Pencegaman terhadap kelompok liberal dilaksanakan melalui penilaian dan perbandingan terhadap penyelewengan maksud hadis dan pemikiran liberal yang dipromosikan melalui buku, laman web dan portal mereka. Kajian ini bertujuan mengenalpasti apakah Living Hadis yang digunakan dalam kalangan kelompok liberal dan menganalisa status hadis yang digunakan (Salbiah, 2016).

3.1 Pelaksanaan Carian

Bagi tujuan mengetahui status hadis yang digunakan oleh kelompok liberal, pemerhatian dilakukan terhadap database hadis yang dibangunkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), laman web dourar, islamweb.net dan laman hadith.com. Aplikasi ini memudahkan kajian yang berkaitan dengan pencarian hadis. Takhrij merupakan penyelidikan komprehensif terhadap kewujudan sesebuah hadis dalam pelbagai rujukan, memahami perkataan yang berbeza dan bercanggah.



Rajah 1: Carian Primari Sorotan Literatur

Rajah 1 iaitu carian primari, memaparkan sorotan literatur secara sistematik meliputi latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok liberal. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau systematic literature review (SLR) telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al, 2016). Dalam kajian ini kata kunci Living Hadis, liberal, masyarakat, kesedaran dan literatur telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Sebanyak 12 dapatan hadis digunakan oleh kelompok liberal telah diperolehi namun begitu, hanya lima (5) dapatan hadis sahaja diterima untuk dianalisa kerana baki yang lain dilihat tidak bersesuaian dengan skop kajian seperti hadis yang digunakan oleh kelompok liberal tidak berkaitan dengan Living Hadis. Enjin carian terdiri daripada laman web perbincangan isu semasa dan portal kelompok liberal:

- i. Komuniti Muslim Universal (KMU) Malaysia
- ii. Gerak Budaya
- iii. <http://www.sistersinislam.org.my/>
- iv. <http://www.kinitv.com/>
- v. <http://www.malaysia-today.net/>
- vi. <https://www.ismaweb.net/2018/10/29/all-muslims-should-support-ratification-of-un-anti-racial-discrimination-treaty/>
- vii. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/icerd-isu-sensitif-tangani-dengan-sensitif-1.904239>

Jadual 1: Satu sorotan literatur secara sistematik kajian Penggunaan Living Hadis Dalam Kalangan Kelompok liberal

Bil	Kajian	Latar Belakang	Gaps/ Perbincangan	Metode	Dapatan
1	Prof. Dr. Idris Zakaria,	Islam Liberal & Penyimpangan Syariat	Kata Nabi, konon, عَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعَلْمِ، وَعَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعَلْمِ	Kualitatif analisis kandunga	<i>Isu Islam Adalah Agama Yang Haq</i>

2012	(Ulil Abshar Abdallah, 2005)	Maksudnya: <i>Barang siapa yang hendak kepada keduniaan, hendaknya memakai ilmu, begitu juga yang hendak mencapai kebahagiaan di dunia "nanti" juga harus pakai ilmu (HR. Thabrani)</i>	n	i. Musuh utama semua agama ialah "ketidakadilan". Nilai yang diutamakan Islam adalah keadilan ii. Masalah kemanusiaan tidak boleh diselesaikan dengan semata-mata merujuk kepada "hukum Tuhan" iii. Tanpa rasa kekok, beliau menyatakan bahawa semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti jalan panjang menuju Yang Maha Benar	
2	Muhamad Nur Adzim Amran, 2015	Analisis Hadis Mawdu' dalam Novel Karya Faisal Tehrani (Faisal Tehrani, 2012)	Hadis yang berstatus Mawdu' telah dikemukakan oleh Faisal Tehrani dalam novelnya: <i>مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ</i> Maksudnya: <i>Namun baginda mengatakan barang siapa yang mengenal dirinya, maka dia mengenal Tuhannya</i> (Hadis berstatus Mawdu', telah diberi penjelasan dari laman web Mufti Wilayah)	Kualitatif analisis kandungan n	<i>Isu penggunaan hadis berstatus Mawdu' dalam menyunik propaganda Fahaman Syiah</i> i. Penolakan Faisal Tehrani terhadap hadis mawdu' lain menunjukkan beliau hanya membenarkan hadis yang dilihat menyokong idea-ideanya sahaja
3	Sister In Islam (SIS), 2018	Menyokong Hak Asasi Manusia dengan meratifikasikan <i>International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)</i> adalah satu konvensyen antarabangsa yang memperjuangkan hak asasi manusia di dunia (Sister In Islam, 2018)	SIS dalam kenyataan semalam turut memetik hadis dalam bahasa Inggeris: <i>لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ أُعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَىٰ عَرَبِيٍّ وَلَا لَأَحْمَرَ عَلَىٰ أَسْوَدَ وَلَا أَسْوَدَ عَلَىٰ أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَىٰ</i> "All mankind is from Adam and Eve, an Arab has no superiority over a non-Arab nor a non-Arab has any superiority over an Arab; also a white has no superiority over black nor does a black have any superiority over a	Kualitatif analisis kandungan n	<i>Isu Mengharuskan Ratifikasi International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)</i> i. Sambil memetik Khutbah Wada Rasulullah SAW pada 9 Zulhijjah tahun 10 Hijrah, SIS berkata, dengan meratifikasi ICERD, Malaysia akan meraikan fakta bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini, dan Islam menentang sebarang bentuk perkauman ii. Dalam satu kenyataan SIS berkata, antara

		<p><i>white, except by piety and good action.</i>"</p> <p>(<i>Al-Bukhari, 1623, 1626, 6361, Muslim 98, Imam al-Tirmidhi 1628, 2046, 2085, Imam Ahmed Hanbal, Masnud 1977</i>)</p>		<p>mesej Khutbah Wada itu menekankan Islam pada dasarnya menentang sebarang bentuk diskriminasi kaum</p>
4	Zaidul Amin, 2016	<p>Dilema Umat Islam- Antara Hadis dan Quran</p> <p>(<i>Kassim Ahmad, 2015</i>)</p> <p>Dalam penulisannya beliau ada menulis sebuah hadis yang menyatakan</p> <p>قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ</p> <p>Maksudnya:</p> <p>"Barangsiapa menukar agamanya, bunuhlah dia,"</p> <p>[<i>Imam Bukhari, Sahih Bukari, Kitab Jihad Wassiyari, Bab La Yu azzabu bi azabillah, No 3017</i>]</p> <p>Beliau juga menyatakan kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agamanya. Kebebasan bermakna bebas masuk (Islam) dan bebas keluar.</p>	<p>Penelitian <i>Field Research</i></p> <p>Pemerhatian dan temubual</p>	<p>Isu menempelak Islam adalah bebas beragama.</p> <p>i. Hadis bercanggah dengan al-Quran</p> <p>ii. Hadis mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad</p> <p>iii. Hukuman ini bercanggah dengan ajaran al-Quran dimana tidak ada kebebasan bagi orang Islam</p>
5	Tariq Ramadan, 2018	<p>Reformasi</p> <p>(<i>Tariq Ramdhan, 2018</i>)</p> <p>Kata akar bagi perkataan ini boleh ditemui dalam sebuah hadis masyhur Nabi, iaitu</p> <p>"Tuhan akan menghantar kepada umat (Muslim), setiap seratus tahun, seseorang atau setengah orang yang memperbaharui agamanya."</p>	<p>Kualitatif analisis kandungan</p>	<p>Isu hadis Tajdid membenarkan berlakunya reformasi.</p> <p>i. Perkara tersebut seolah-olah tiada reformasi yang sebenarnya boleh berlaku jika perundangan al-Quran itu sendiri sebagai kalam Allah yang diwahyukan kepada manusia tidak dibincang atau dipersoalkan.</p> <p>ii. Reformasi sebenar</p>

(Diriwayatkan oleh
Abu Daud, Jilid 4
hadis no. 4291)

berlaku apabila
perundangan al-Quran
itu/ apabila manusia
boleh membincangkan
dan mempersoalkan
kalam Allah.
Sebagaimana berlaku
dalam ajaran Kristian di
Barat.

4. Analisa Dapatan

4.1 Isu Islam Adalah Agama Yang Haq

Kajian Mazlan Ibrahim (2013); Ariffin (2006) mengesahkan bahawa Ulil Abshar sememangnya tokoh pemikir Islam yang sering dikaitkan dengan perkembangan Islam liberal dan antara orang kuat dalam Jaringan Islam liberal (JIL) di Indonesia. Prinsip yang dibawa oleh Ulil Abshar adalah musuh utama semua agama ialah “ketidakadilan”. Beliau tanpa rasa kekok menyatakan semua agama adalah tepat berada landasan yang menuju kepada jalan Allah SWT. Demi menegakkan syariat Islam, umat Islam sendiri harus berusaha menyelesaikan segala permasalahan dengan cara rasional. Masalah kemanusiaan tidak akan dapat diselesaikan dengan cara merujuk kepada hukum Tuhan semata. Beliau menggunakan hujah daripada hadis yang didakwa hadis Rasulullah SAW;

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ

Maksudnya:

Barang siapa yang hendak kepada keduniaan, hendaknya memakai ilmu, begitu juga yang hendak mencapai kebahagiaan di dunia “nanti” juga harus pakai ilmu.

Ulil Abshar membawa hujah ini dengan menyandarkan ia kepada Rasulullah SAW bertujuan bagi menyatakan bahawa setiap perkara mempunyai aturan sendiri dan tidak perlu merujuk kepada hukum Tuhan selagi kajian tidak dilakukan. Kenyataan ini seolah membenarkan kefahaman yang dibawanya sahaja. Fahaman liberal sememangnya memberikan kebebasan dalam skop pemikiran kepada individu tanpa sekatan. Golongan ini juga berpegang bahawa penafsiran agama bukan milik golongan tertentu seperti ulama bahkan bebas bagi sesiapa sahaja boleh menafsirkan agama tanpa mengira latar belakang ilmu dan pendidikan. Kajian juga menunjukkan ayat di atas bukanlah hadis Rasulullah SAW sebagaimana yang didakwa oleh Ulil Abshar. Yang sebenarnya merupakan perkataan al-Imam al-Syafie RA (Mursi 1987). Maksud yang sebenar daripada ungkapan Imam al-Syafie ialah;

“Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu.”

Islam merupakan agama yang bersifat universal ('alamiyyah). Mufti Wilayah Persekutuan, S.S Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2017). menyatakan bahawa seseorang muslim itu perlu mengekalkan jati dirinya walaupun berada di lingkungan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Hanya Islam

agama yang benar di sisi Allah SWT manakala agama lain adalah tertolak di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 19 :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ

Maksudnya:

“Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam”

Implikasinya, mereka yang menganut agama lain tidak diterima oleh Allah SWT dan mereka di akhirat kelak adalah golongan yang rugi. Ini menafikan dakwaan yang mengatakan bahawa tiada agama memiliki kebenaran mutlak. Nas syara jelas menunjukkan hanya Islam agama yang benar dan diterima Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 85 :

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ

Maksudnya:

“Dan barangsiapa yang mencari agama lain selain Islam, maka dia tidak akan diterima daripadanya, dan dia di akhirat kelak daripada orang yang rugi”.

Dalam konteks ini Ulil Abshar cuba menghidupkan makna hadis yang konteks dan maksud yang salah. Malah beliau tidak mengambil kira status dan darjat sesebuah hadis tersebut sama ada sah, daif ataupun palsu.

4.2 Isu penggunaan hadis berstatus Mawdu' dalam menyuntik propaganda Fahaman Syiah.

Terdapat sebuah buku yang ditulis oleh Faisal Tehrani (nama pena bagi Mohd Faizal Musa) “Perempuan Nan Bercinta”. Mesyuarat panel Kajian Aqidah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kali ke-37/2008 telah memutuskan bahawa karya-karya Faisal Tehrani mempunyai unsur-unsur yang ketara dalam mengangkat ajaran Syiah dan merendah-rendahkan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam (Mohd Aizam Mas'od 2013). Manakala kajian Muhamad Nur Adzim (2015), telah menganalisis hadis yang dibawakan oleh Faisal Tehrani ini dalam buku tersebut adalah berstatus mawdu'.

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Maksudnya:

Namun baginda mengatakan barang siapa yang mengenal dirinya, maka dia mengenal Tuhannya.

Hadis ini telah disepakati oleh Mufti Wilayah Persekutuan menerusi laman web rasminya pada 20 Julai (2016) bahawa ia adalah hadis palsu. Hadis ini tidak boleh disebarkan kepada orang ramai melainkan bagi menyatakan akan kepaluannya. Imam al-Saghani menjelaskan status hadis ini bukan daripada Rasulullah SAW (Mohamad Said Din 1980). Begitu juga Imam al-Suyuthi (1994) menegaskan hadis ini batil dan tidak sah.

Ini menunjukkan Faisal Tehrani mengambil hadis yang berstatus palsu untuk mengukuhkan hujahnya dalam penulisan buku “Perempuan Nan Bercinta”.

Di mana beliau telah menggunakan status hadis bagi tujuan yang menegakkan ideologi yang dibawa. Menurut Mohamad Nur Adzim et al. (2015), Faisal Tehrani menggunakan dua hadis yang berstatus mawdu' dalam penulisan buku ini. Status hadis mawdu' dimaklumi oleh Faisal Tehrani, namun begitu beliau tidak menyebutkan hukum tersebut secara jelas dan mengambil sikap yang berbeza terhadap hukum tersebut. Walau bagaimanapun beliau menggunakan hadis mawdu' ini dalam penulisannya bagi menguatkan ideologi yang dibawa.

Buku yang bertemakan novel cinta seperti ini mampu menarik minat khususnya golongan remaja. Cara penyampaian pemikiran yang sangat halus mampu memberi impak yang negatif kepada remaja dan pembaca yang tidak mempunyai jatidiri akidah yang kuat.

4.3 Isu Mengharuskan Ratifikasi International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)

Umat Islam terdedah dengan cubaan merosakkan kesucian dan kemurnian Islam melalui berbagai-bagai cara termasuk serangan pemikiran. Serangan pemikiran datang dalam bentuk liberalisasi, sekularisasi, pluralisasi dan lain-lain isme yang cuba mencairkan jatidiri umat Islam. Menurut Ariffin Ismail (2006) kecelaruan pemikiran yang dibawa ini telah lama menular dalam sejarah umat Islam. Golongan Islam Liberal tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, tetapi berselindung di sebalik gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula syariat dan hukum-hukum fikh. Gerakan Sisters In Islam (SIS) telah difatwakan sesat pada 17 Julai 2014 oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan antara kumpulan yang kuat mendokong pergerakan Islam liberal.

Mereka menggunakan hujah dalam khutbah wida' sebagai perantara bagi mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam terutamanya golongan belia. Sabda Rasulullah SAW dalam khutbah wida' telah dijadikan sebagai hujah untuk mendesak kerajaan Malaysia bersetuju meratifikasi International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD). Dalam satu kenyataan yang dibuat oleh Sisters In Islam (SIS) dalam portal rasmi mereka, mesej yang disampaikan dalam khutbah wida' itu menekankan bahawa Islam pada asasnya menentang sebarang bentuk diskriminasi kaum, tidak kira sama ada mereka umat Islam atau tidak. Mereka memetik hadis dalam bahasa Inggeris iaitu;

“All mankind is from Adam and Eve, an Arab has no superiority over a non-Arab nor a non Arab has any superiority over an Arab; also a white has no superiority over black nor does a black have any superiority over a white, except by piety and good action.”

[Al-Bukhari, 1623, 1626, 6361, Muslim 98, Imam al-Tirmidzi 1628, 2046, 2085, Imam Ahmed Hanbal, Masnud 19774].

Sisters In Islam (SIS) menguatkan lagi hujah hadis ini dengan menekankan bahawa ia turut disokong dengan ayat Quran yang menunjukkan bahawa semua makhluk mempunyai maruah dan sengaja dicipta dengan pelbagai warna bagi menolak sebarang bentuk diskriminasi kaum. Antaranya firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 70;

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَجْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."

Begitu juga dalam Surah Fatir ayat 28, Allah SWT berfirman:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

Maksudnya:

Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Usaha yang dilakukan oleh Sister in Islam (SIS) dengan menyamakan antara isi kandungan khutbah wida' dengan tuntutan dalam International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) adalah tidak wajar. Ini adalah kerana khutbah wida' itu merupakan wahyu daripada Allah SWT manakala ICERD adalah instrumen hak asasi manusia yang berasaskan kepada nilai-nilai humanisme Barat. Hal ini selari dengan pandangan Wan Roslili binti Majid (2007) daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang berpendapat perkara yang membezakan kandungan khutbah wida' dengan instrumen hak asasi manusia Barat ialah khutbah wida' berasaskan wahyu dan bertujuan mentaati serta menunaikan hak Allah SWT yang menjamin kemaslahatan umum (masalah `ammah). Sebaliknya bentuk perjuangan hak asasi manusia yang dilaung-laungkan dan dipertahankan pihak Barat bertentangan sama sekali dengan hak Allah SWT. Sebagai contoh, perjuangan gerakan ini bagi mempertahankan hak individu serta kelompok tertentu seperti LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transexual) yang mendatangkan kemudaratan serta musibah besar kepada manusia sejagat.

Isu ini mendapat perhatian Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang menegaskan dalam temubualnya bersama wartawan Utusan Online, (2018) yang berpendapat sejarah, adat dan budaya Malaysia berbeza, berbanding negara-negara Islam lain yang meratifikasi konvensyen. Konvensyen ini juga dilihat tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana dikhuatiri mudaratnya melebihi kebaikan. Beliau juga berpendapat, konvensyen ini akan mendahului kuasa dan kedudukan Majlis Raja-Raja dan membuka ruang kepada mana-mana pihak mencabar Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, ia turut membolehkan mana-mana pihak mencabar kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan keistimewaan terhadap agama Islam. Hakikatnya, penggunaan khutbah wida' ini dilihat sebagai satu bentuk manipulasi bertujuan ingin membenarkan kenyataan dan tujuan asal mereka sahaja.

4.4 Isu Kebebasan Beragama

Gerakan Anti Hadis (GAH) muncul di Malaysia pada tahun 1980-an yang dipelopori oleh Kassim Ahmad. Kassim Ahmad mempunyai pandangan yang sama dengan golongan liberal iaitu bersifat sekularisme, menolak perundangan Islam, menolak semua autoriti keagamaan yang menjadikan Islam jumud dan bebas dalam mentafsirkan al-Quran al-Karim. Kassim Ahmad mempertahankan kebebasan beragama bagi setiap orang (Abdul Mukti 2015). Beliau merujuk pandangan ini dengan mentafsirkan ayat Quran al-Karim dalam surah al-Baqarah ayat 256;

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

Tidak ada paksaan dalam agama.

Beliau mentafsirkan ayat ini mengikut rasional akal tanpa berpandukan pada mana-mana tafsiran ulama. Baginya agama Islam telah dipandang hina kerana telah mengamalkan undang-undang yang zalim seperti memotong tangan bagi pencuri dan membunuh bagi yang murtad. Beliau menolak hadis yang berstatus sahih ini;

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

[Imam Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab Jihad Wassiyari, Bab *La Yu azzabu bi azabillah*, No 3017]

Maksudnya:

Berkata Rasulullah SAW: "Barang siapa yang menukar agama, maka bunuhlah dia".

Kassim Ahmad tetap dengan pendiriannya bahawa kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agama. Ini bermakna hadis tersebut bercanggah dengan al-Quran dari sudut undang-undang. Hukuman bunuh ini menurut beliau berasal daripada kitab Taurat (Kassim, 2002). Pun begitu, telah disepakati oleh kebanyakan ahli hukum Islam tentang hadis ini bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah membunuh kerana murtad semata-mata. Peristiwa riddah dalam zaman Khalifah Abu Bakar itu bukan kerana murtad, tetapi kerana pemberontakan negara (Zaidul Amin, 2016). Golongan anti hadis di bawah pimpinan Kassim Ahmad termasuk golongan sesat kerana golongan ini telah menolak hadis sahih sebagai sumber hukum Islam, menghina Nabi Muhammad SAW sebagai Rasulullah, serta memutarbelitkan pengertian ayat-ayat al-Quran sesuai dengan keinginan mereka. Argumentasi yang dikemukakan oleh Kassim Ahmad dalam gerakan anti hadis dilihat lebih memilih teks yang diperlukan sahaja serta mengabaikan teks lain yang tidak memihak kepada pandangannya (Muhammad Mustakim, 2016). Maka pandangannya ini dikelaskan sebagai kedangkalan mereka dalam memahami Islam dan ajarannya secara holistik (Zikri Darussamin, 2017).

4.5 Isu Hadis Tajdid Membenarkan Berlakunya Reformasi

Tariq Ramadhan merupakan antara sarjana dalam dunia pemikiran Islam kontemporari. Beliau lantang mengetengahkan isu-isu kemanusiaan dan konsisten menjulang reformasi dengan hujah dan dalil-dalil agama. Walau bagaimanapun, tidak semua umat Muslim sependapat dengan konsep yang dikaitkan dengan liberalisme yang diyakini bersumber dari non-Islam atau Barat (the West) (Irawan, 2018). Pemikiran Tariq Ramadhan ini dilihat mendatangkan kekeliruan dan masih tidak dapat diterima oleh umat Islam berikutan penggunaan perkataan reformasi mengikut beliau mampu menjejaskan keimanan dan menyimpang daripada landasan Islam akibat terlalu mengikut arus semasa. Tariq Ramadhan (2018) menggunakan hadis yang menyentuh tentang pembaharuan semula sebagai hujah;

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

[Sunan Abu Daud, Kitab Al-Malahimi, Bab *Ma Yuzkaru Fi Qarnil Miah*, No 4291]

Maksudnya:

Tuhan akan menghantar kepada umat (Muslim), setiap seratus tahun, seseorang yang memperbaharui (Yujaddidu) agamanya.

Penggunaan hadis Nabi SAW ini tiada kaitan dengan maksud reformasi yang sebenar. Tariq Ramadhan (2018) cuba untuk mentafsirkan hadis Nabi ini dengan membawa pandangan bahawa reformasi yang sebenar berlaku apabila perundangan dalam al-Quran al-Karim dan Hadis Rasulullah SAW boleh dijadikan sebagai medium perbincangan umum dan boleh dipersoalkan mengikut arus globalisasi. Daripada hadis ini dapat difahami bahawa Allah SWT akan mengutuskan kepada umat ini setiap seratus tahun seorang yang akan membantu masyarakat agar mereka tidak tersesat dan terpesong daripada agama ini dan dalam masa yang sama akan menjaga kesucian agama ini daripada unsur-unsur yang boleh mencemarkan ketulenan agama ini. Hakikatnya maksud al-Tajdid atau reformasi ialah mengembalikan dan melihat sudut fiqh, Iman, amal dan dakwah dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan semasa selagi mana ia tidak bertentangan dengan al-Quran al-Karim dan hadis. Oleh itu maksud tajdid bukanlah mencipta sesuatu perkara atau agama yang baru sebagaimana yang didakwa oleh Tariq Ramadhan (Umar Mukhtar, 2016).

5. Kesimpulan

Living hadis adalah menghidupkan hadis dalam masyarakat yang berupa amalan-amalan yang bersumberkan daripada pemaknaan hadis Rasulullah SAW. Gerakan Islam Liberal sememangnya berusaha keras dalam memanipulasi umat Islam secara halus kerana berlandung di sebalik nama Islam. Menghidupkan sesuatu hujah dan menyandarkan kepada baginda Rasulullah SAW tanpa mengira latar belakang dan tujuan sebenar hadis. Penggunaan living hadis di luar konteks juga dilihat sebagai satu bentuk penyelewengan yang mengaburi mata masyarakat demi menjaga kepentingan ideologi liberal mereka. Gerakan ini telah menjelmakan hadis dalam bentuk kepercayaan dan amalan yang tidak selari dengan makna yang sebenar (Ramli Abdul Wahid, 2017). Umat Islam hendaklah menolak dan menjauhi pemikiran yang boleh menghakis keutuhan rohani yang menjadi teras ilmu Islam. Maka kajian ini diharap dapat memberi impak kepada masyarakat supaya lebih peka dan prihatin dalam memelihara dan menjaga konteks ketepatan hadis dengan

isu-isu agama yang dilaporkan di dada akhbar, buku, jurnal dan media sosial berkenaan gejala penyalahgunaan hadis.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-001 yang bertajuk Penggunaan Living Hadis dalam kalangan kelompok liberal di Malaysia. Penghargaan setinggi-tingginya kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menaja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Mukti Bin Baharuddin. (2016). *Kajian awal gerakan antihadis di Malaysia*. Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS. (GPIK) 2015. Geran Penyelidikan Inhad. 2015/P/GPIK/INHAD 001. April, 2015- Mac, 2016.
- al-Suyuthi, al-Hafiz Jalaluddin. (1994). *Tadrib al-rawi*. Beirut: Maktabah al-Kauthar.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Radzi Othman & Nik Yusri Musa. (2006). Konsep al-Sunnah menurut ahli hadith. *Jurnal Pengajian Umum*. Bil. 8. 1-22.
- Ariffin Ismail, M. A. (2006). *Cabaran akidah: pemikiran Islam liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.
- Baihaqi, Imam al-Suyuthi. (1994). *Manaaqib asy-Syafi'e* . Jilid ke-2. Maktabah Daar at-Turats.
- Budhy Munawar-Rachman. (2011). *Islam dan liberalisme*. Moh. Shofan. Jakarta: Friedrich-Naumann-Stiftung.
- Irawan, M. S. I. (2018). Al-Tawassut wa al-i'tidal: Menjawab tantangan liberalisme dan konservatisme Islam. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 14(1), 49-74
- Kassim Ahmad. (2002). *Dilema umat Islam - antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Wisma KGN Pengkalan Weld.
- Mazlan Ibrahim & Latifah Abdul Majid. (2013). Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam menangani Islam liberal. *Jurnal Hadhari*. 5 (1) (2013) 37-5.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid Dan Fadlan Mohd Othman. (2012). *Islam liberal isu dan reaksi*. Selangor: Jabatan Agama Islam.
- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occup Environ Med*, 3-9.
- Mirna Fidiana. (2014). Study al-Quran dan al-Hadis; *Bab metodologi penelitian the Living Quran dan Hadis*. UIN Maliki Press.
- Mohd Aizam Bin Mas'od. (2013). *Diskusi isu aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia*. Shah Alam: Reka Cetak Sdn. Bhd.
- Muhammad Said Din. (1980). *al-Imam al-Hafiz al-Hasan Ibn Muhammad al-Saghani wa risalatuhu al-darr al-multaqit fi tabyin al-ghalat*. Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.
- Muhammad Mustaqim. (2016). Penghujahan rasional GAH: Satu Analisis. *Journal Hadis*. Vol. 6, No. 12, 21-31.
- Mursi, Mohamad Munir. (1987). *al-Tarbiah al-Islamiah usuluha wa tatowuriha fi al-bilad al-Arabiah*. Beirut: Dar al-Maarif.

- Ramli Abdul Wahid MA. (2017). *Masa depan perkembangan kajian hadis di nusantara*. Kertas dibentangkan dalam Seminar IMAM anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 15 Nov, Bangi.
- Rifyal Ka'bah. (1994). *Islam dan serangan pemikiran*, Jakarta: Granada Nadia.
- Salbiah Mohamed Salleh. (2016). *Instrumen berorientasi Islam: Satu pendekatan tinjauan literatur sistematik*. Wacana Pendidikan Islam Siri Ke 11, 15-16 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor.
- Siddiqi, N., House, A. O. & Holmes, J. D. (2006). Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: A systematic literature review. *Age and Ageing*, 35(4), 350- 364.
- Tariq Ramadhan. (2018). *Reformasi radikal etika Islami dan pembebasan*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Umar Mukhtar. (2016). *Irsyad al-Hadith siri ke-16: Hadis tentang mujaddid (reformasi) agama*. 10 Mac.
- Wan Roslili binti Majid, 'Khutbah Wada': *Pedoman berharga umat akhir zaman*'. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). November 27, (2007).
- Zaidul Amin Suffian Ahmad, Abdul Mukti Baharudin, Norzi Nasir, Rosni Wazir, Asyikin Hasan Adali. (2016). Kesan pemikiran liberal terhadap golongan anti Hadith di Malaysia. M.s 1-10. *Prosiding Imam 2017*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zikri Darussamin. (2017). Kassim Ahmad pelopor inkar sunnah di Malaysia. *AlFikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, Vol. 8, No. 1, 19-34.

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Norsaleha Mohd Salleh, memiliki 23 tahun pengalaman sebagai pendidik, 5 tahun pengalaman dalam pentadbiran di KUIS, 13 tahun pengalaman dalam pengurusan kepimpinan NGO, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Memegang jawatan sebagai Pengarah Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Pernah memegang jawatan sebagai ketua Jabatan Usuluddin dan Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin selama 4 tahun. Dalam NGO, beliau memegang jawatan sebagai Naib Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Pernah memegang jawatan Ketua Wanita ISMA selama 13 tahun. Di INHAD beliau mengetuai pasukan kerja seramai 7 orang dan telah menganjurkan hampir 20 program berkaitan hadis dan akidah. Beliau juga telah mengetuai gerak kerja penganjuran program Bicara murabbi Ustaz Abdul Somad yang menyaksikan kehadiran seramai 10,000 orang pengunjung ke KUIS. Di peringkat NGO beliau mengetuai team menganjurkan program dakwah kewanitaan di peringkat tempatan dan nasional. Menganjurkan Konvensyen Wanita Islam Nasional (KONWANIS) dengan kehadiran 3000 - 3500 peserta wanita. Banyak menerima undangan untuk menyampaikan ucpatama dan membenteng kertas kerja dalam seminar peringkat nasional dan antarabangsa. Antara negara yang pernah dikunjungi untuk menyampaikan ceramah ialah Mesir, Jordan, Indonesia, Australia dan United Kindom. Beliau juga merupakan seorang penulis buku dan artikel dalam majalah popular dan ilmiah. Antara buku yang pernah diterbitkan ialah Mengapa perlu berduka jika ada bahagia, Akidah, emosi dan spiritual remaja, Kemenjadian generasi, Wanita dan Globalisasi dan lain-lain lagi. Beliau boleh dihubungi pada alamat e-mel: norsaleha@kuis.edu.my